

02/12/1999

PM penggerak di sebalik kejayaan

KANGAR, Rabu - Ahli Parlimen Arau, Mastika Junaidah Husin, menganggap kejayaannya pada pilihan raya umum ke-10, Isnin lalu sebagai hadiah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini kerana, katanya, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) adalah penggerak utama di sebalik kejayaan itu.

"Saya juga mahu jadikan kejayaan ini sebagai hadiah kepada Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim yang banyak memberi semangat kepada saya dan jentera parti untuk bekerja kuat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media khas sempena kejayaan BN merampas kerusi Parlimen Arau, di pejabat Jawatankuasa Perundangan Hal Ehwal Wanita (Hawa) negeri di sini, hari ini.

Pada pilihan raya umum ke-10 itu, Mastika Junaidah menewaskan Timbalan Pesuruhjaya Pas negeri, Dr Abdul Aziz Hanafi dengan majoriti 1,586 undi.

Beliau yang juga Pengerusi Hawa Perlis mendapat 15,297 undi, manakala lawannya memperolehi 13,711 undi.

Mastika juga mengucap terima kasih kepada semua pihak, terutama ahli, penyokong dan jentera parti yang bekerja dengan gigih sehingga mencapai kejayaan.

"Bagaimanapun, saya terkiln kerana gagal membantu mempertahankan dua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Parlimen Arau iaitu Guar Sanji dan Sanglang yang terlepas kepada pembangkang," katanya.

Menurutnya, punca utama kejayaan pembangkang menguasai dua kerusi itu dan Santan di Padang Besar bukan kerana kekuatan parti itu, sebaliknya disumbang faktor lain seperti fitnah.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, parti pembangkang perlu memikul tanggungjawab membangun dan memajukan tiga kawasan DUN yang dimenangi itu supaya pembangunannya selari dengan DUN lain.

(END)